

SYARAT KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

- 1.1 Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti menetapkan bahawa kenaikan pangkat seseorang staf akademik tidak berasaskan kekosongan jawatan tetapi berasaskan kepada kecemerlangan akademiknya.
- 1.2 Pensyarah (DS45) adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52); Pensyarah (DS51/52) layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya (DS54) dan Profesor Madya (DS53/54) layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor (VK7) apabila telah:
 - a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) bebas daripada tindakan tatatertib;
 - c) telah mengisytiharkan harta;
 - d) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - e) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - f) diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan.